

**Puteri Umno Tambah Baik Strategi Hadapi PRK Gelugor, PRK Teluk Intan
Bernama
May 9, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Pengalaman pada pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau dan DUN Kajang membantu Puteri Umno untuk menambah baik strateginya bagi menghadapi PRK Parlimen Bukit Gelugor dan Teluk Intan hujung bulan ini.

Naib Ketuanya Zahida Zarik Khan berkata walaupun Barisan Nasional (BN) tidak memperoleh kemenangan di PRK DUN Sungai Limau dan PRK DUN Kajang, namun pengalaman yang ada akan digunakan untuk membantu BN meraih kemenangan pada PRK akan datang.

"Kami memang sudah siap sedia, kita akan turun untuk membantu sehabis baik untuk mengurangkan majoriti di kedua-dua kawasan itu seterusnya memberikan kemenangan kepada BN," katanya kepada pemberita selepas sambutan Hari Ibu bersama warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) Pusat Jagaan Warga Emas dan OKU Nur di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Biro Antarabangsa dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) Nor Hazreena Mohamad Hashim.

PRK Parlimen Bukit Gelugor bakal diadakan pada 25 Mei ini berikutan kematian penyandanginya Karpal Singh dalam nahas jalan raya 17 April lepas, manakala PRK Parlimen Teluk Intan ditetapkan pada 31 Mei setelah Anggota Parlimennya Seah Leong Peng meninggal dunia akibat kanser.

Karpal dan Seah adalah anggota DAP.

Zahida berkata Puteri Umno juga akan melaksanakan pelbagai program mendekati pengundi di kedua-dua PRK itu terutama membantu pengundi muda dalam aspek kerjaya dan pendidikan.

Terdahulu, Zahida berkata seramai 40 warga emas dan OKU termasuk kanak-kanak diraikan pada sambutan Hari Ibu itu.

Program itu diadakan buat pertama kalinya oleh sukarelawan Global Support Super Team (GST) di bawah Biro Antarabangsa dan IPT bagi melatih dan

membentuk sukarelawan yang produktif dan menjalinkan hubungan erat dengan masyarakat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037220>